

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN MESYUARAT
KETIGA DEWAN RAKYAT, PENGGAL KEDUA PARLIMEN
KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN NOORITA BINTI SUAI [TENOM]

SOALAN

PUAN NOORITA BINTI SUAL [TENOM] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah Tempat Selamat yang mempunyai kepakaran khusus dalam keganasan rumah tangga di Malaysia. Berikan pecahan mengikut negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi menangani isu keganasan rumah tangga, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mengambil tindakan di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521]. Menerusi akta ini kerajaan memperuntukkan perlindungan undang-undang dalam situasi keganasan rumah tangga dan perkara-perkara yang bersampingan dengannya. Tindakan segera akan dijalankan bersama agensi-agensi penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), mahkamah dan agensi yang berkaitan bagi memastikan segala bentuk keganasan rumah tangga dapat di bendung.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Tempat Selamat ialah mana-mana rumah atau institusi yang disenggarakan atau diuruskan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat atau oleh mana-mana agensi atau pertubuhan sukarela lain yang diluluskan oleh Menteri bagi maksud-maksud Akta Keganasan Rumah Tangga.

Tempat-tempat tersebut dapat menerima mangsa keganasan rumah tangga buat sementara waktu.

3. Kebanyakan Tempat Selamat di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga adalah lebih kepada memberi perlindungan kepada mangsa keganasan rumah tangga. Perkhidmatan yang diberi adalah berdasarkan kesesuaian selepas intervensi dilaksanakan dengan mangsa. Sekiranya mangsa memerlukan perkhidmatan yang memerlukan kepakaran khusus seperti perkhidmatan kaunseling, mangsa akan dirujuk kepada kaunselor berdaftar.

4. Pada masa ini terdapat 43 buah Tempat Selamat di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga di seluruh negara. Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut:

<u>NEGERI</u>	<u>BILANGAN</u>
Sarawak	5
Selangor	5
Johor	5
Perak	5
Terengganu	4
Sabah	4
Kedah	3
Pahang	3
Negeri Sembilan	2
Labuan	2
Pulau Pinang	1
Kuala Lumpur	1
Kelantan	1
Melaka	1
Perlis	1
JUMLAH	43